

27 OCT 2001

MAHATHIR-KUNJUNGAN

PM NILAI PEMBANGUNAN RESORT DAN PERTANIAN DI KOREA DAN JEPUN

PETALING JAYA, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau melawat Korea Selatan dan Jepun untuk berehat serta mempelajari perkembangan terkini pembangunan resort dan kemajuan dalam sektor pertanian.

Bercakap selepas pulang dari kunjungan sembilan hari ke China di mana beliau menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai serta ke Korea Selatan dan Jepun, beliau berkata beliau mahu melihat sendiri bagaimana Chaeju Island (Korea Selatan) dimajukan sebagai sebuah resort.

Dr Mahathir, yang bercuti di Chaeju Island bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata beliau juga memerhati pembangunan taman botanikal dan cara-cara bagaimana ia boleh dimajukan di Malaysia.

Perdana Menteri juga melawat Nagasaki di Jepun, yang mempunyai sektor pertanian yang diurus dengan baik.

Dr Mahathir berkata selain melawat kedua-dua tempat ini, beliau juga mengambil peluang untuk menyiapkan kerjanya.

"Saya cuba hendak habiskan kerja-kerja saya... Kalau saya duduk disini saya tidak boleh buat apa kerana orang kacau. Kalau di pejabat, pagi sampai petang orang datang. Oleh itu saya perlu bercuti untuk menghabiskan kerja," katanya. -- BERNAMA

MSL SHY ZK